

28 MAY 2003

Mahathir-Sastera (Embargo/2200/28)

DR MAHATHIR MINTA SASTERAWAN PERTAHAN JATI DIRI BANGSA DAN PELOPORI MODENISASI

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Para sasterawan perlu memainkan peranan mempertahankan jati diri bangsa serta menjadi pelopor modenisasi dan kemajuan umat seperti yang dilakukan oleh sasterawan di masa lepas, Perdana Menteri berkata malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap dua peranan kembar itu diteruskan oleh karyawan sastera zaman sekarang, dengan menggabungkan rasa bangga terhadap nilai-nilai tradisi dan mempunyai sikap yang terbuka terhadap unsur modenisasi.

"Kita tidak boleh terlalu taksud dengan keinginan hendak mempertahankan jati diri sahaja sambil menutup mata terhadap realiti dan perubahan yang berlaku di sekeliling kita," katanya pada majlis penyampaian Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2002 di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata sasterawan juga tidak boleh membiarkan diri mereka hanyut oleh arus modenisasi dan nilai-nilai luaran yang merugikan sambil mengabaikan nilai-nilai positif sedia ada dalam budaya tempatan.

Beliau berkata masyarakat sastera perlu mencari keseimbangan yang dinamis dalam usaha untuk memainkan dua peranan kembar itu.

"Sasterawan di masa lalu telah mempertahankan jati diri kebangsaan dengan memperkasa bahasa dan sastera Melayu walaupun kita masih belum berpuas hati dengan mutu dan kemajuan bahasa dan sastera Melayu itu," kata Dr Mahathir.

Peranan mereka yang kedua ialah turut mempelopori modenisasi iaitu memperkenalkan nilai-nilai moden supaya bangsa Melayu dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan zaman "walaupun kita belum boleh berpuashti dengan kemajuan yang telah kita capai setakat ini," katanya.

Beliau berkata tokoh bahasa Melayu Allahyarham Pendeta Za'aba adalah juga seorang tokoh nasionalis semasa perjuangan menentang penjajahan, selain daripada Abdul Rahim Kajai, Harun Aminulrashid, Ishak Haji Muhammad atau Pak Sako, Keris Mas dan Usman Awang serta yang lain.

Perdana Menteri juga berkata para sasterawan dan penerbit tempatan perlu menanam dan meningkatkan tabiat membaca di kalangan anggota masyarakat, terutama membaca karya bermutu.

Beliau mencadangkan agar sasterawan tempatan turut membaca novel asing supaya dapat memahami apa yang menarik dalam tulisan dan pendekatan mereka.

Dr Mahathir berkata jika dibandingkan jualan buku bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, ianya jauh berbeza memandangkan pengarang yang menulis dalam bahasa Inggeris boleh menjadi jutawan, semata-mata hasil daripada royalti buku yang mereka tulis.

"Tetapi dalam bahasa Melayu, bukan sahaja buku-buku sastera yang tinggi mutu mengalami masalah penjualan, malah buku-buku bacaan biasa pun susah untuk laku," katanya.

Ini semua mempunyai hubung kait dengan minat membaca yang sangat kurang di kalangan anggota masyarakat, dan dalam keadaan begini adalah sukar bagi membayangkan bagaimana dunia sastera dalam bahasa kebangsaan akan maju dan berkembang serta mencapai mutu yang setanding dengan karya-karya sastera di peringkat antarabangsa, katanya.

"Ada baiknya jika ahli sastera sendiri bertanyakan kepada diri sendiri sama ada mereka berminat untuk membaca hasil karyawan lain.

"Sangkaan saya ialah mereka tidak berminat dan tentu ramai daripada mereka yang tidak menanti-nanti untuk membeli dan membaca keluaran baru hasil tulisan rakan-rakan mereka," katanya.

Beliau juga berkata cerita yang mengandungi nasihat atau mesej tidak lagi dapat diterima oleh pembaca masa kini kerana pembaca kini berpelajaran dan mempunyai taraf intelek yang tinggi, serta menganggap mereka lebih tahu daripada penulis.

Perdana Menteri berkata satu usaha bagi mengembangkan tabiat membaca ialah dengan mengadakan sesi membaca terutama di peringkat sekolah, bukan sahaja untuk menyemai minat membaca tetapi mempertingkatkan daya berkomunikasi.

"Jika kita membiasakan dengan membaca dengan menyebut semua perkataan, maka susunan ayat kita akan menjadi lebih tepat dan mudah difahami," katanya.

Dr Mahathir juga meminta penulis-penulis bukan Melayu menghasilkan lebih banyak karya dalam bahasa Melayu kerana ianya boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan persefahaman antara kaum.

"Pembaca-pembaca dalam bahasa Melayu perlu didedahkan kepada denyut hati serta suka-duka dan pahit manis kehidupan masyarakat bukan Melayu," katanya.

-- BERNAMA

NN HK MAI